

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 Ogos 2025
AKHBAR : Berita Harian
MUKA SURAT : 23

Ekonomi MADANI jamin taraf hidup bermaruah untuk rakyat

BH Jumaat, 15 Ogos 2025

Bisnes

23

Ekonomi MADANI jamin taraf hidup bermaruah untuk rakyat

Strategi bersifat naikkan lantai, siling ekonomi pastikan akses kepada gaji wajar, perlindungan sosial

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Pertumbuhan ekonomi dan fiskal bukan lagi menjadi satu-satunya elemen pengukur transformasi sosioekonomi negara, tetapi kini turut merangkumkan kemampuan memastikan taraf hidup bermaruah untuk semua rakyat, kata Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Justeru, katanya, kerajaan komited untuk membina sebuah negara yang adil, saksama dan berdaya tahan melalui kerangka Ekonomi MADANI menekankan maruah, keadilan serta kemanusiaan bersama.

"Ekonomi MADANI membawa pembaharuan struktur yang nyata, daripada meningkatkan hasil pasaran buruh, menaikkan pendapatan isi rumah, mengukuhkan komitmen terhadap perkhidmatan awam berkualiti dan mempertingkat keberkesanannya menyampaikan kerajaan," katanya.

ketika berucap pada Forum Hasanah 2025 bertemakan 'Philanthropy That Listens, Bridging Intent With Interventions' di Kuala Lumpur semalam.

Yang turut hadir, Pengurus YAYasan Hasanah, Tan Sri Md Nor Yusof; Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd (Khazanah); Datuk Amirul Feisal Wan Zahir dan Ketua Setiausaha Perbadanan Kementerian Kewangan, Datuk Johan Mahmood Merican.

Kerjasama semua pihak

Mengulas lanjut, Amir Hamzah menjelaskan, strategi itu bersifat naikkan lantai dan siling ekonomi, memastikan semua rakyat mempunyai akses kepada gaji wajar, perlindungan sosial serta perkhidmatan awam berkualiti, sambil mengangkat daya saing negara, menarik pelaburan berkuaiti tinggi dan memacu inovasi.

Katanya, usaha itu tidak akan berjaya tanpa kerjasama rapat antara kerajaan, industri swasta, sektor filantropi dan masyarakat sivil yang berperanan mengisi jurang yang tidak mampu dicapai pasaran.

"Filantropi perlu berlandaskan keperluan sebenar komuniti, iaitu apa yang mereka perlukan, impian dan mampu bina bukan sahaja bersifat amanah bagi masyarakat," katanya.

Beliau menegaskan, Malaysia melalui Ekonomi MADANI mem-



Amir Hamzah beramah mesra dengan peserta pada Forum Hasanah 2025 bertemakan 'Philanthropy That Listens, Bridging Intent With Interventions' di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan Md Nor.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

bayangkan sebuah negara dimana tiada rakyat yang ketenggelam, perkhidmatan sosial sampai ke golongan terpinggir dan alam sekitar dipelihara untuk generasi akan datang.

"Filantropi yang mendengar adalah kunci untuk mencapai visi ini dengan lebih cepat dan manfaat," katanya sambil menerangkan kepentingan YAYasan Hasanah sebagai penggerak utama agenda berkenaan.

Sebagai yayasan amanah Khazanah, YAYasan Hasanah sudah menyulurkan ratusan juta ringgit untuk program pendidikan, kelestarian alam sekitar, pembangunan komuniti, seni, budaya serta kesejahteraan masyarakat sejak ditubuhkan pada 2015.

Antara inisiatifnya termasuk Program Pendidikan Komuniti di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak, projek pemulihran hutan di Perak serta bantuan

kemanusiaan pasca bencana melalui kerjasama dengan rangkaian korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Forum Hasanah 2025 yang memasuki edisi ketiga menghimpunkan pemimpin industri, pembuat dasar, NGO dan wakil komuniti bagi membincangkan strategi memperkuuh peranan filantropi dalam membina Malaysia yang lebih adil, inklusif dan mampu.